




>>Oleh Nor Faizah Mohamed
faizah@hmetro.com.my

KEKANGAN masa sentiasa menjadi 'musuh utama' wanita bekerja kala bersiap sedia menghadiri majlis rasmi atau santai selepas tamat waktu kerja.

Biarpun pakaian ke tempat kerja tampak formal, tidak semestinya ia sesuai dibawa ke majlis malam, apatah bila ada yang mengenakan kod berpakaian mengikut tema.

Justeru, wanita perlu bergegas pulang mencari busana lain untuk disesuaikan dengan tema majlis atau ada yang terpaksa membeli helai baru kerana tidak sempat mencari padanan lain.

Bagi Biem, wanita tidak sepatutnya berkompromi dalam hal ini memandangkan

wujudnya gaya yang boleh dipelbagaikan dengan hanya satu busana formal.

"Tidak semestinya kita ke tempat kerja dengan seluar panjang dan kemeja atau blaus potongan formal. Seseekali ubah penampilan dengan blaus feminin dan gaun paras lutut yang bukan saja sesuai ke pejabat malah menarik digayakan untuk aktiviti malam.

"Pelbagaikan juga warna, tidak hanya menggunakan warna asas seperti putih, perang dan hitam. Jika bimbang dilihat keterlaluan, tonjolkan sedikit warna pastel pada selendang, kardinan,



Satu busana pelbagai gaya

Wanita tak perlu risau kerana mereka hanya menggayakan pakaian sedia ada

kasut, beg tangan atau aksesori seperti rantai dan gelang dempak.

"Biem sememangnya menitikberatkan aspek itu dan setiap rekaan Biem cuba menonjolkan pelbagai stail yang boleh digayakan siang hingga ke malam," jelas Pengurus Dagangan Jordone Corporation Sdn Bhd, Niki Leng Sow Wat.

Tambah Niki, biarpun Biem secara asasnya adalah jenama pakaian untuk ke pejabat, ia lebih memberi tumpuan kepada fungsinya dalam menonjolkan stail berbeza dari siang ke malam.

"Makin ramai yang menghabiskan sepanjang hari di pejabat dan tiada masa untuk pulang menukar pakaian jika perlu menghadiri majlis malam. Jadi, Biem cuba mencipta helai yang boleh dimanfaatkan dari siang ke malam kerana ia bukan saja mudah dipadankan malah tidak perlu berbelanja banyak untuk membeli yang lain.

"Untuk konsep warna, Biem sentiasa menyuntik rona ceria seperti kuning, merah jambu atau ungu dan biasanya ia bertepatan dengan tema setiap musim.

"Selain itu, setiap rekaan Biem dihiasi perincian seperti manik dan reben agar dapat disesuaikan untuk acara malam," katanya.

Bagi koleksi musim ini, Biem tampil bersandarkan tema City Light, inspirasi daripada seni bina di kota metropolitan, di mana sisi moden dan romantik saling bergabung untuk gaya elegan kontemporari.

"Biem menggunakan dua sisi itu - moden dan romantik sebagai palet rekaan untuk musim bunga dan panas kali ini. Bagi sisi moden, rekaannya lebih berstruktur dengan potongan lurus dan serius sementara sisi romantik menyerlah dengan potongan feminin yang berlisu, berpol serta sedikit kolonial.

"Menariknya, Biem juga menampilkan rangkaian khas 'weekender' dalam setiap musim dan kali ini ia terarah kepada monokrom menerusi tiga gaun yang dihasilkan seakan-akan sama," katanya.

Biem boleh didapati di butik Outfitters Studio dan beberapa pusat beli-belah utama seluruh Malaysia. Bagi melihat koleksi penuh Biem, boleh layari Facebook menerusi www.facebook.com/myBIEM.

MANIS...blaus lengan panjang berpol dipadankan dengan skirt hitam potongan lurus.